

Bantu KPRLF dengan senjata

Malaysia tidak bantah —Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia tidak akan membantah sebarang keputusan sesuatu negara untuk membantu Front Pembebasan Kebangsaan Rakyat Khmer (KPRLF) dengan senjata api.

Demikian ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Bellau berkata demikian sewaktu ditanya sama ada Malaysia akan menghulurkan bantuan senjata kepada pertubuhan tersebut yang kini sedang berusaha membebaskan Kam-puchea dari Vietnam.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Kita tidak akan membantah sesiapa saja memberi senjata kepada pertubuhan itu. Itu saja yang boleh saya per-atakan."

Selanjutnya, beliau menegaskan, Malaysia hanya membantu dari segi perikemanusiaan.

Ditanya sama ada Malaysia akan menim-bang kemungkinan memberi bantuan sen-jata kepada pertubuhan itu, sekiranya negara-negara lain dalam ASEAN setuju mengenalinya, Perdana Menteri men-jawab dengan suara yang tegas: "Kita tidak akan melibatkan diri mengenal perkara ini."

Unilateral

Pendirian Malaysia seperti yang dibayangkan oleh Per-dana Menteri ini mungkin bercanggah dengan beberapa pen-dirian setengah negara ASEAN yang lain.

Umpamanya, seorang pemimpin Singapura pernah dilaporkan sebagai berkata, pihaknya sanggup menyumbangkan bantuan senjata kepada golongan itu sekiranya didapati perlu.

Singapura dikatakan mengambil keputusan dan inisiatif mem-bekalkan senjata itu secara unilateral.

Menteri Luar Indone-sia, Prof. Mochtar Kusumamadja, dikembalikan dari pe-undangan dengan Encik Son Sann di Bangkok,

baru-baru ini, enggan mengulas perkara ini.

Dilaporkan juga beberapa pemimpin Singapura, terutama sekali Timbalan Perdana Menteri keduanya, Encik R. Rajaratnam sebagai berkata, pihaknya akan meminta negara-negara Barat sama-sama mem-beri bantuan senjata kepada KPRLF itu.

Di antara negara yang dicadangkan ter-masuklah Amerika Syarikat, Australia, New Zealand serta Negara-negara Ekonomi Eropah (EEC).

Menghadkan

Perdana Menteri juga dalam sidang akhbar sesudah mesyuarat ming-guan kabinetnya menegaskan, kerajaan bercadang mengubah cara-cara memilih seseorang pemohon un-tuk sesuatu jawatan menerusi Operasi Isipenuh.

Katanya, perubahan itu perlu kerana sebanyak 22,000 jawatan dalam Operasi Isipenuh kini masih belum dipenuhi.

Ini termasuk 11,000 da-lam kumpulan D ataupun kumpulan pekerja in-dustri dan buruh.

Menurut Perdana Menteri, kekosongan itu tidak dapat dipenuhi seperti yang di-jajangkakan kerana terdapat ramai pemohon yang melamar bagi berbagai jawatan. Ada juga pemohon itu terdiri dari mereka yang sudah bekerja dengan kerajaan.

"Kadangkala sampai terdapat keadaan di mana untuk dua jawatan

kosong, permohonan yang tiba hingga berguni-guni banyaknya. Untuk memproses per-mohonan seperti ini amatlah sukar.

"Kebanyakan pemohon ini pula, bila ditawarkan pekerjaan yang dipohonnya, akan menolaknya. Ini semua menimbulkan banyak masalah kepada kita.

"Oleh itu, kerajaan bercadang membuat beberapa peraturan baru mengenai pengisian ja-watan-jawatan kosong ini.

"Di antara peraturan-peraturan baru ini, ialah mungkin kita terpaksa menghadkan lantikan kepada jawatan-jawatan tertentu kepada pen-duduk dalam sesuatu ka-wasan saja," katanya.

Umpamanya, sam-bung Perdana Menteri, kalau kerajaan memerlukan seorang budak pejabat di Mers-ing, tetapi kita dapati pemohon dari Kuala Kedah memintanya.

Selepas lanya dapat dijemput, ia didapati tidak sesuai kerana terlalu jauh, ini akan menimbulkan masalah.

Ada juga yang menerima tawaran bekerja itu tetapi setelah beberapa ketika ia meminta dipindahkan ke kawasan berhampiran kampung halamannya.

"Perkara seperti ini menyulitkan usaha kita mengisi jawatan-jawatan kosong itu. Oleh itu saya memberi amaran awal tentang hasrat kerajaan untuk mengubah sedikit cara-cara mengambil calon-calon menerusi Operasi Isipenuh ini," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia